



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
2755 Jalan Sentosa,  
86000 Kluang, Johor.

Tel : 07-772 2946  
Laman Web : [www.ppdkluang.edu.my](http://www.ppdkluang.edu.my)

Ruj. Kami : PPDKLG.100-7/5/6 (98)

Tarikh : 09 September 2025

**Pengetua & Guru Besar**  
Sekolah-sekolah Daerah Kluang

Tuan,

**JEMPUTAN PENYERTAAN PERTANDINGAN POSTER INOVASI DAN KREATIVITI (IDEa) 2.0  
PERINGKAT DAERAH KLUANG TAHUN 2025**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Kluang akan mengadakan pertandingan sebagaimana di atas sebagai usaha menyemarakkan pembudayaan inovasi di Daerah Kluang dan mencungkil bakat serta idea-idea inovatif dalam kalangan warga pendidik dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). **Pertandingan ini memberi peluang untuk mengetengahkan inovasi melalui penyampaian maklumat dalam bentuk poster mengikut template yang disediakan. Inovasi yang dihasilkan mestilah asli, wujud dan tidak hanya dijana melalui Generatif AI (Artificial Intelligence) bagi tujuan pertandingan semata-mata tetapi inovasi tidak digunakan dalam situasi sebenar. Penyalahgunaan teknologi dalam menghasilkan inovasi akan menyebabkan penyertaan adalah terbatal. Inovasi yang telah menyertai Poster IDEa pada tahun sebelum boleh menyertai pada tahun ini dengan syarat terdapat lima puluh peratus (50%) penambahbaikan telah dilakukan.**

4. Sehubungan itu, semua warga dijemput untuk menyertai pertandingan ini melalui pautan <https://linktr.ee/PosterIDEa> atau imbas kod QR seperti di lampiran. Setiap **penyertaan adalah PERCUMA** dan boleh disertai secara individu atau berkumpulan maksimum sepuluh (10) orang ahli kumpulan. **Tempoh pertandingan adalah 9 September sehingga 11 November 2025.** Penyertaan dalam pertandingan ini juga boleh **diiktiraf sebagai pencapaian guru dan sekolah bagi Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) Kualiti@Sekolah**. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pn Nurul Huda Binti Abdul Wahab, Penolong PPD Perancangan di talian 07-7741150. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian.

**"SYNERGY IN EXECUTION : CONQUER THE CHALLENGE"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI AYUB BIN IBRAHIM)

Pegawai Pendidikan Daerah

Pegawai Pendidikan Daerah Kluang

.../2